

**ADAPTASI STRATEGI BANTUAN TUNAI BERSYARAT TERHADAP  
KEBERHASILAN PENDIDIKAN OLEH INSTITUSI ZAKAT: TINJAUAN  
LITERATUR SISTEMATIK DI ASIA TENGGARA**

*(Adaptation Strategy of Conditional Cash Transfers on Educational Outcomes for  
Zakat Institutions: A Systematic Review in Southeast Asia)*

<sup>1</sup>MOHD SUFFIAN MOHAMED ESA

<sup>2</sup>HAIRUNNIZAM WAHID

<sup>1,3</sup>SALMY EDAWATI YAACOB

<sup>4</sup>ABDUL HAYY HAZIQ MOHAMAD

<sup>1</sup>Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi, Selangor,  
Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,  
Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>4</sup>School of Business & Management, University of Technology Sarawak, 96000 Sibu, Sarawak,  
Malaysia

---

**ABSTRAK**

Kelemahan mekanisme pemantauan oleh institusi zakat terhadap prestasi pelajar asnaf menyebabkan berlakunya masalah keciciran dan kelemahan dalam pencapaian akademik. Punca utama kepada masalah ini adalah disebabkan oleh masalah sikap individu terbabit. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis secara sistematik program Bantuan Langsung Tunai Bersyarat dengan memfokuskan negara di Asia Tenggara bagi membantu membasmi kemiskinan dan membangunkan modal insan, serta mengambil kira budaya dan tradisi masyarakat. Analisis literatur sistematik mengaplikasi protokol ROSES yang meliputi lima proses utama iaitu pembentukan persoalan kajian, pencarian strategi sistematik berdasarkan proses pengenalan, saringan dan kelayakan terhadap pangkalan data utama seperti *Scopus*, *Web of Science* dan *Google Scholar* serta proses mengekstrak dan menganalisa data

---

\*Corresponding author: Mohd Suffian Mohamed Esa, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: p119490@siswa.ukm.edu.my

Diserahkan: 11 Oktober 2024

Diterima: 30 April 2025

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2025-1701-07>

menggunakan analisis tema berbentuk induktif. Berdasarkan analisis, dua tema penting yang dibentuk yaitu: (1) Karakteristik Program CCT dan (2) Keberhasilan. Kedua-dua tema ini membentuk tujuh sub-tema. Kajian ini menyediakan penilaian terperinci bagi pembangunan terkini berkenaan program CCT serta bagaimana program ini memberi impak kepada pencapaian pendidikan. Kajian analisis impak program CCT terhadap keberhasilan dalam bidang pendidikan berpotensi memberi input signifikan kepada pihak pembuat dasar terutama institusi zakat dalam membantu negara-negara terlibat untuk mengurangkan kadar kemiskinan.

**Kata kunci:** Analisis literatur sistematis; Asia Tenggara; bantuan tunai bersyarat; pendidikan; zakat

### **ABSTRACT**

*The lack of an effective monitoring mechanism by zakat institutions regarding the academic performance of Asnaf students has led to issues such as school dropouts and poor academic achievement, primarily due to individual attitudes. Therefore, the objective of this study is to systematically analyze Conditional Cash Transfer (CCT) programs in Southeast Asian search through identification, screening, and eligibility phases using major databases like Scopus, Web of Science, and Google Scholar; and finally, extracting and analyzing data using countries, focusing on poverty alleviation and human capital development while considering cultural and societal traditions. The systematic literature review follows the ROSES protocol, encompassing five key processes: formulating research questions, conducting a systematic thematic analysis. The analysis yielded two key themes: (1) Characteristics of CCT Programs and (2) Program Outcomes, with seven sub-themes emerging from these. This study offers a detailed evaluation of the current development of CCT programs and their impact on educational outcomes. The findings provide significant insights for policymakers, particularly zakat institutions, in aiding countries to reduce poverty levels through education-focused interventions.*

**Keywords:** Southeast Asia; conditional cash transfers; education; systematic literature review; zakat

### **PENDAHULUAN**

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima. Zakat merupakan alat ekonomi bagi pembangunan umat Islam melalui kaedah pengagihan semula sebahagian kecil kekayaan daripada golongan yang layak membayar zakat kepada golongan yang berhak menerima zakat dalam mengurangkan jurang pendapatan golongan kaya dan miskin (Irfan Syauqi, Mohd Hasbi & Abdul Aziz 2021; Beik, Zaenal & Saoqi 2021). Dari sudut pentadbiran, pengurusan zakat di Malaysia diletakkan di bawah bidang

kuasa negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kuasa berkaitan hal ehwal agama Islam termasuk zakat di bawah bidang kuasa negeri. Bantuan langsung tunai bersyarat (*conditional cash transfer (CCT)*) pula merupakan bantuan tunai yang diberikan kepada golongan miskin dengan matlamat bersepadu iaitu mengurangkan kemiskinan dan jurang kekayaan serta pembangunan modal insan golongan tersebut. Bagi melengkapkan syarat program CCT, pelaburan berbentuk agihan tunai yang diberikan oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan digabungkan dengan unsur intervensi syarat tingkah laku (*conditionality*) yang wajib dilaksanakan oleh golongan penerima setelah menerima bantuan tersebut. Bantuan yang diberikan boleh ditamatkan sekiranya penerima bantuan gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Antara syarat tingkah laku yang popular dalam program CCT melibatkan dua dimensi utama iaitu dimensi pendidikan dan dimensi kesihatan. Bagi dimensi pendidikan, contoh syarat tingkah laku utama adalah seperti kehadiran anak-anak penerima bantuan ke sekolah mengikut peratusan kehadiran tertentu biasanya di antara 80-90% manakala bagi dimensi kesihatan pula antaranya kehadiran ke pemeriksaan kesihatan secara berkala (Son 2008; Fiszbein & Schady 2009; Saucedo Delgado, Kadelbach & Mata Mata 2018; Ford et al. 2020; Kabeer, Piza & Taylor 2012; Hartarto, Wardani & Azizurrohan 2021). Program CCT telah dimulakan di negara-negara Amerika Latin dan kini telah berkembang ke serata dunia. Di Asia Tenggara, antara negara yang melaksanakan program CCT adalah negara Indonesia, Filipina dan Kemboja (Jadual 1). Berdasarkan Jadual 1, negara Indonesia dan Kemboja telah melaksanakan dua program manakala negara Filipina melaksanakan satu program dengan program Jaring Pengamanan Sosial merupakan program CCT terawal yang dilaksanakan di rantau Asia Tenggara.

JADUAL 1 Senarai program CCT di negara-negara Asia Tenggara

<b>Negara</b>	<b>Tahun Dilancarkan</b>	<b>Nama Program CCT</b>
Filipina	2007	a. Pantawid Pamil yang Pilipino Program
Indonesia	2007 1999	a. Program Keluarga Harapan (PKH) b. Jaring Pengamanan Sosial
Kemboja	2005 2002	a. Cambodia Education Sector Support Project (Cambodia) b. Japan Fund for Poverty Reduction Girls Scholarship Program (Cambodia)

SUMBER: Fiszbein & Schady (2009)

## **LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN/ISU**

Di Malaysia, golongan asnaf yang layak serta memenuhi syarat yang telah ditetapkan akan menerima bantuan zakat bukan sahaja dalam bentuk kewangan malah dalam pelbagai bentuk seperti bantuan barangan persekolahan, makanan, peralatan dan lain-lain. Di samping itu, bantuan kewangan yang diberikan oleh institusi zakat adalah dalam bentuk bantuan langsung tunai tanpa syarat (*Unconditional Cash Transfer*). Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan, bantuan kewangan bulanan merupakan bentuk bantuan langsung tunai tanpa syarat yang diberikan kepada asnaf yang layak. Bantuan ini merupakan jenis bantuan kedua tertinggi diagihkan di Wilayah Persekutuan pada tahun 2020 dengan jumlah sebanyak RM105.85 juta melibatkan seramai 26,239 orang penerima manakala bantuan kewangan berbentuk tunai yang diberikan kepada pelajar sekolah pula berjumlah RM16.53 juta melibatkan seramai 27,691 pelajar asnaf (MAIWP 2021). Sehingga kini, tiada intervensi daripada pihak institusi zakat dalam bentuk pemberian tanggungjawab kepada penerima bantuan untuk dilaksanakan. Sebagai contoh, pihak penerima bantuan persekolahan tidak perlu memantau dan melaporkan kehadiran anak-anak mereka ke sekolah. Program bantuan tanpa intervensi ini tidak meletakkan apa-apa tanggungjawab yang mesti diambil oleh ibu bapa golongan asnaf tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan berlaku pelbagai isu dan masalah berkaitan masalah akses dan pencapaian dalam bidang pendidikan anak-anak asnaf. Antara masalah utama yang berlaku dalam kalangan pelajar miskin adalah masalah keciciran ke sekolah. Punca kepada masalah tersebut adalah antaranya disebabkan masalah sikap individu terbabit. Kajian yang dilaksanakan oleh (Muda, Said & Rashidi Hamzah 2023) mendapati masalah keciciran ke sekolah merupakan antara masalah yang sering dikaitkan dengan golongan asnaf fakir dan miskin. Dapatan kajian tersebut turut mendapati antara faktor utama punca kepada keciciran pelajar asnaf ke sekolah antaranya masalah tiada motivasi, tiada keyakinan diri, rasa tertekan berada di sekolah serta merasakan diri terasing/tersisih. Selain itu, kajian lain turut menunjukkan bahawa peranan ibu bapa/keluarga berpendapatan rendah penting dalam mempengaruhi tahap pendidikan dan pencapaian akademik anak-anak (Abdullah, Ismail, Shafee, Shaharom & Ghani 2019; Hamid, Othman, Ahmad & Ismail 2011; Muda et al. 2023; Saad, Hamid, Sani & Kamal 2023). Muda et al. (2023) mendapati antara faktor yang mempengaruhi keciciran anak-anak asnaf di negeri Perlis bagi dimensi keluarga adalah jadual ibu bapa yang terlalu sibuk, wang saku yang dibekalkan tidak mencukupi serta masalah keluarga yang tidak mementingkan hal pendidikan. Kajian lain yang dilaksanakan oleh Saad et al. (2023) pula mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil kira faktor peranan ibu bapa di dalam merancang segala program atau intervensi pencegahan gejala ponteng di kalangan murid sekolah. Selain itu, kajian oleh Abdullah et al. (2019) pula mendapati faktor motivasi penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak golongan miskin. Semua dapatan kajian ini jelas menunjukkan peranan ibu bapa penting dalam

memberi kesan kepada akses pendidikan serta pencapaian akademik anak-anak golongan miskin. Keadaan yang berlaku sekiranya tidak diatasi dengan serius akan memberikan impak negatif seterusnya menyebabkan masalah kemiskinan antara generasi tidak dapat dihapuskan. Masalah ini mungkin boleh dirungkai oleh pihak institusi zakat dengan mengaplikasikan intervensi melalui pemberian tanggungjawab kepada pihak ibu bapa yang menerima bantuan zakat seperti yang dipraktikkan dalam program-program berbentuk CCT. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti strategi yang boleh diadaptasi oleh institusi zakat dalam menilai impak program CCT terhadap pencapaian pendidikan di negara Asia Tenggara.

## **METODOLOGI**

### **Protokol semakan**

(Gusenbauer & Haddaway 2020) membangunkan protokol ROSES (*Reporting Standards for Systematic Evidence Syntheses*) sebagai panduan melaksanakan tinjauan literatur sistematik. Tujuan membangunkan protokol ROSES adalah bagi meningkatkan dan mengekalkan ketelusan dan kualiti pengurusan kajian. Protokol bermula dengan pembentukan persoalan kajian, strategi carian sistematik, penilaian kualiti serta pengekstrakkan dan analisis data.

### **Pembentukan persoalan kajian**

Pembentukan persoalan kajian dilaksanakan setelah meneliti sumber kajian lepas iaitu daripada Fiszbein dan Schady (2009); Hartarto dan Wardani (2023). Artikel ini menerangkan impak program CCT ke atas aspek pendidikan. Seterusnya kajian menggunakan PICO (Lockwood, Munn & Porritt 2015) yang membentuk persoalan kajian iaitu populasi (*population*) bagi negara Asia Tenggara, minat (*interest*) terhadap impak program CCT terhadap pendidikan dan konteks (*context*) adalah institusi zakat. Hasilnya, kajian ini membentuk persoalan kajian iaitu “Apakah pilihan adaptasi strategi berdasarkan impak program CCT terhadap aspek pendidikan di negara Asia Tenggara oleh institusi zakat?”.

### **Strategi pencarian sistematik**

Tiga prosedur sistematik yang diterangkan oleh Shaffril, Krauss dan Samsuddin (2018) iaitu pengenalan, saringan dan penentuan kelayakan. Proses ini membolehkan pengkaji mengenal pasti seterusnya mensintesis dengan lebih telus dan efektif.

#### **1. Pengenalan**

Berdasarkan persoalan kajian, dua kata kunci carian dikenal pasti iaitu *conditional cash transfer* dan *education*. Kata kunci ini dikembangkan dengan merujuk kepada *online thesaurus*, kata kunci digunakan dalam kajian lepas, perbincangan bersama

pakar serta rujukan yang dicadangkan pangkalan data Scopus. Kata kunci dianalisis dalam dua pangkalan data iaitu *Scopus* dan *Web of Science* (Jadual 2). Di samping itu, carian turut dilaksanakan secara manual menerusi pangkalan data *Google Scholar*. Sejumlah 959 artikel dikenal pasti daripada pangkalan data menerusi usaha pencarian.

JADUAL 2 Rentetan carian digunakan dalam pangkalan data terpilih

Pangkalan Data	Rentetan
Scopus	<i>TITLE-ABS-KEY ((conditional AND cash AND transfer OR cct OR pantawid OR “program keluarga harapan” OR “family hope program” OR pkh) AND education)</i>
Web of Science	<i>TS= ((conditional AND cash AND transfer OR cct OR pantawid OR “program keluarga harapan” OR “family hope program” OR pkh) AND education)</i>

## 2. Saringan

Prosedur kedua merupakan saringan dengan memilih dan mengecualikan kriteria mengikut kriteria yang ditetapkan (Jadual 3). Menerusi proses saringan, tempoh sepuluh tahun terkini, artikel dengan data empirik sahaja, medium Bahasa Inggeris, topik ekonomi, pengurusan perniagaan dan sains sosial serta kajian di negara Asia Tenggara sahaja dipilih. Oleh itu, 933 artikel dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditentukan dengan baki dua puluh enam artikel kekal untuk proses berikutnya.

JADUAL 3 Kriteria Pemilihan & Pengecualian

Kriteria Pemilihan	Kriteria Pengecualian
2013 - 2023	2012 dan sebelum
Artikel (dengan data empirikal)	Artikel ulasan, bab dalam buku, buku, prosiding persidangan, dll
Bahasa Inggeris	Selain Bahasa Inggeris
Ekonomi, pengurusan perniagaan, sains sosial	Selain dari topik ekonomi, pengurusan perniagaan, sains sosial
Penyelidikan di negara Asia Tenggara	Penyelidikan di negara selain Asia Tenggara

## 3. Kelayakan

Proses seterusnya adalah menyemak baki artikel sama ada memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Didapati tujuh artikel lagi dikeluarkan kerana tidak menepati kriteria seperti tidak secara langsung melibatkan program CCT, tiada impak pendidikan serta bukan dilaksanakan di negara Asia Tenggara. Selain itu, lima artikel lain turut dikeluarkan kerana artikel serupa dari dua pangkalan data berbeza. Jumlah artikel yang masih kekal untuk proses penilaian kualiti adalah sebanyak empat belas artikel.

## **Penilaian kualiti**

Merujuk kepada Petticrew dan Roberts (2008), pakar perlu mengklasifikasikan baki artikel kepada 3 kategori iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Hanya artikel yang diklasifikasikan sebagai tinggi dan sederhana yang dikekalkan untuk semakan. Hasilnya, empat belas artikel dikekalkan kerana semua artikel memenuhi rating tinggi (sepuluh artikel) dan sederhana (empat artikel) (Rajah 1). Bilangan artikel untuk disemak memenuhi dapatan oleh Robinson dan Lowe (2015) yang merumuskan bahawa kebanyakan artikel berbentuk analisis kajian literatur melakukan semakan terhadap kurang daripada lima puluh artikel.

## **Pengekstrakan dan analisis data**


Proses seterusnya adalah pengekstrakan dan analisis data secara tema kerana kaedah ini merupakan kaedah terbaik dalam mengintegrasikan perbezaan dapatan kajian menerusi sintesis kualitatif (Whittemore & Knafl 2005). Analisis tema yang digunakan dalam kajian ini adalah mengikuti metodologi yang dicadangkan oleh (Kiger & Varpio 2020). Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut; a) menjana kod di mana semua artikel akan dinilai dan memilih data yang relevan dengan persoalan kajian. b) Seterusnya, pengkaji akan membangunkan topik menggunakan kaedah induktif. Akhir sekali, proses ini membentuk dua tema utama diikuti sebanyak tujuh sub-tema.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar belakang**

Berdasarkan 14 kajian yang dipilih, lapan kajian dilaksanakan di negara Filipina (Cadiogan, 2013; Kim & Yoo 2015; Anas & Anas 2016; Catubig & Villano 2017; Babasa 2019; Jabar, Garcia & Valerio 2020; Conchada, Tiongco & Sy 2022; Jabar, Kasilag, Collado & Jamoral 2023) manakala enam kajian dijalankan di negara Indonesia (Hadna & Kartika 2017; Rizal & van Doorslaer 2019; Hartarto et al. 2021; Wardani, Baryshnikova & Jayawardana 2022; Hartarto & Wardani 2023; Hartarto & Wibowo 2023). Dari sudut metodologi, sebanyak sembilan kajian menggunakan kaedah kuantitatif (Anas & Anas 2016; Catubig & Villano 2017; Jabar, Garcia & Valerio 2020; Conchada, Tiongco & Sy 2022; Jabar, Kasilag, Collado & Jamoral 2023; Hadna & Kartika 2017; Rizal & van Doorslaer 2019; Wardani, Baryshnikova & Jayawardana 2022; Hartarto & Wardani 2023) manakala lima kajian menggunakan kaedah kualitatif (Cadiogan 2013; Kim & Yoo 2015; Babasa 2019; Hartarto et al. 2021; Hartarto & Wibowo 2023).

RAJAH 1 Carta Alir Pencarian Strategi Sistematis





### Pembentukan Tema

Analisis tema yang dijalankan terhadap empat belas artikel akhir membentuk dua tema utama iaitu: a) karakteristik program CCT dan b) Keberhasilan. Kedua-dua tema ini membentuk tujuh sub-tema seperti di Jadual 4. Keseluruhan dua tema dan tujuh sub tema akan menjawab persoalan “Apakah pilihan adaptasi strategi oleh institusi zakat berdasarkan impak program CCT terhadap aspek pendidikan di negara Asia Tenggara?”.

JADUAL 4 Dapatan kajian

Penulis	Negara	Reka bentuk Kajian	Karakteristik Program CCT				Keberhasilan		
			ITV	STL	PTH	PMT	JPD	JPG	OTL
Hartarto, Wardani & Azizurrohman (2021)	Indonesia	QL	/			/			/
Anas & Anas (2016)	Filipina	QT		/			/	/	
(Catubig & Villano 2017)	Filipina	QT	/	/			/		
Jabar et al. (2023)	Filipina	QT							/
Cadiogan (2013)	Filipina	QL		/	/	/			
Rizal & van Doorslaer (2019)	Indonesia	QT	/			/	/		
Hadna & Kartika (2017)	Indonesia	QT					/	/	
Hartarto & Wardani (2023)	Indonesia	QT							/
Conchada, Tiongco & Sy (2022)	Filipina	QT			/				/
Jabar, Garcia & Valerio (2020)	Filipina	QT		/					/
Hartarto & Wibowo (2023)	Indonesia	QL							/

*sambung ...*

... samb.

Wardani, Baryshnikova & Jayawardana (2022)	Indonesia	QT	/	/	/
Babasa (2019)	Filipina	QL	/		/
Kim & Yoo (2015)	Filipina	QL	/		
Karakteristik Program CCT			Keberhasilan		
ITV = Intervensi			JPD = Jangka Pendek		
STL = Syarat Tingkah laku			JPL = Jangka Panjang		
PTH = Pematuhan			OTL = Keberhasilan Tidak Langsung		
PMT = Pemantauan					
			QT = Kuantitatif		
			QL = Kualitatif		

### **Karakteristik Program CCT**

Intervensi merupakan sub-tema pertama di bawah tema Karakteristik program CCT. Intervensi berbentuk syarat tingkahlaku merupakan teras penting yang membezakan program CCT dengan bantuan tunai berbentuk UCT. Intervensi dilaksanakan oleh pihak Kerajaan atau pemberi dana dilaksanakan bertujuan untuk mengubah sikap golongan miskin yang menerima bantuan (Catubig & Villano 2017; Rizal & van Doorslaer 2019; Hartarto, Wardani & Azizurrohman 2021). Kajian yang dilaksanakan di Indonesia turut mencadangkan Intervensi oleh pihak Kerajaan dalam kedua-dua belah faktor permintaan dan penawaran bagi memastikan keberkesanan program CCT terhadap persekolahan kanak-kanak miskin. Dari sudut permintaan, kadar bantuan tunai dicadangkan untuk diagihkan dengan lebih dinamik iaitu dengan mengambilkira kos sara hidup semasa manakala dari sudut penawaran, penyediaan sekolah awam dan sekolah swasta yang berpatutan bagi menampung enrolmen persekolahan pelajar miskin yang terus meningkat (Hartarto et al. 2021). Hal ini turut disokong oleh kajian Catubig dan Villano (2017) yang merumuskan peranan Kerajaan amat signifikan bagi menyediakan akses pendidikan kepada golongan miskin di negara Filipina.

Intervensi yang dilaksanakan bukan digerakkan secara bersendirian tetapi melalui sinergi yang progresif dengan pelbagai pihak. Sebagai contoh, di negara Indonesia, program CCT yang diberi nama PKH dibangunkan bersama-sama program Intervensi di peringkat komuniti yang digelar 'Generasi' bekerjasama dalam memantau pematuhan penerima bantuan kepada program CCT (Rizal & van Doorslaer 2019). Sub-tema kedua adalah syarat tingkah laku. Bagi memastikan bantuan tunai menerusi program CCT terus diterima, syarat tingkah laku hendaklah dipenuhi (Anas & Anas 2016; Catubig & Villano 2017; Jabar, Garcia & Valerio 2020; Kim & Yoo 2015; Wardani, Baryshnikova & Jayawardana 2022).

Kebiasaannya, dimensi dan item bagi syarat tingkah laku yang diwujudkan hampir sama bagi program CCT antara negara-negara di dunia (Cadiogan 2013). Berdasarkan dapatan kajian lepas, syarat tingkah laku merupakan alat penting dalam meningkatkan motivasi serta semangat kerjasama serta kerja berpasukan di antara ibubapa pelajar dengan pihak sekolah (Anas & Anas 2016), mempengaruhi kepada peningkatan enrolmen (Babasa 2019; Catubig & Villano 2017) serta kebarangkalian peningkatan kepada akses pendidikan (Wardani et al. 2022). Di Filipina, kombinasi program CCT dengan pengantara berkaitan penglibatan ibu bapa mempengaruhi impak keterlibatan ibubapa dengan pencapaian akademik anak-anak (Jabar et al. 2020). Pematuhan merupakan sub-tema ketiga di bawah tema karakteristik program CCT.

Pematuhan kepada syarat tingkah laku merupakan keunikan program CCT berbanding program-program pembasmian kemiskinan yang lain. Kebanyakan program CCT meletakkan pematuhan syarat tingkah laku pendidikan dan kesihatan sebagai teras utama kepada program CCT mereka (Cadiogan 2013; Conchada, Tiongco & Sy 2022). Kajian di Filipina berkenaan impak program CCT terhadap kadar remaja yang mengandungi mendapati pematuhan kepada syarat tingkah laku yang ditetapkan oleh program meningkatkan pencapaian akademik di kalangan golongan remaja (Conchada et al 2022).

Sub-tema keempat merupakan pemantauan. Aspek pemantauan program penting bagi memastikan pematuhan kepada syarat tingkah laku seterusnya menilai prestasi semasa penerima bantuan. Kajian lepas oleh Cadiogan (2013) mendapati kaedah pemantauan yang dilaksanakan hampir sama oleh mana-mana negara yang melaksanakan program CCT. Di negara Indonesia, tanggungjawab pemantauan dilaksanakan oleh fasilitator program dan laporan secara berkala akan disediakan (Hartarto, Wardani & Azizurrohman 2021; Rizal & van Doorslaer 2019).

### **Keberhasilan**

Di bawah tema keberhasilan, sub-tema dibahagikan kepada tiga kategori iaitu keberhasilan jangka pendek, keberhasilan jangka panjang dan keberhasilan tidak langsung. Keberhasilan jangka pendek merupakan keberhasilan secara langsung yang berkaitan dengan pendidikan iaitu melibatkan akses kepada aspek pendidikan seperti kehadiran dan enrolmen ke sekolah. Program CCT memberikan pelbagai impak positif kepada kehadiran dan enrolmen persekolahan kepada penerima bantuan (Anas & Anas 2016; Catubig & Villano 2017; Hadna & Kartika 2017; Rizal & van Doorslaer 2019; Wardani, Baryshnikova & Jayawardana 2022). Di Filipina, program CCT 4Ps berjaya mengekalkan statistik 88.33% pelajar tamat bersekolah manakala kadar keciciran yang sangat rendah iaitu sebanyak 1.85% di samping penglibatan aktif kanak-kanak penerima bantuan dalam aktiviti ko-kurikulum (Anas & Anas 2016). Di Indonesia

pula, kadar enrolmen bersih meningkat sebanyak 7.1% manakala kadar penglibatan pelajar terhadap aktiviti dalam bilik darjah meningkat sebanyak 7.6% (Hadna & Kartika 2017). Kajian lain turut mendapati inisiatif Kerajaan menerusi program CCT meningkatkan akses pendidikan ke kawasan penempatan golongan miskin (Catubig & Villano 2017).

Keberhasilan jangka panjang pula merupakan sub-tema kedua di bawah tema keberhasilan. Keberhasilan jangka panjang meliputi pencapaian akademik pelajar golongan miskin. Secara umumnya, beberapa kajian mendapati program CCT berupaya meningkatkan pencapaian akademik anak-anak golongan miskin (Anas & Anas 2016; Hadna & Kartika 2017). Di Filipina, peningkatkan bilangan penerima bantuan lulus dalam peperiksaan yang disebut Purata Kecekapan Am (General Proficiency Average) dengan majoriti pelajar perempuan mengatasi pencapaian akademik berbanding pelajar lelaki. Kajian turut mendapati hubungan secara statistik yang signifikan dan positif di antara peperiksaan tersebut dengan pelaksanaan program CCT (Anas & Anas 2016). Di Indonesia pula, di bawah program PKH, pencapaian pelajar sekolah rendah yang positif dalam peperiksaan Bahasa Indonesia, Matematik dan Bahasa Inggeris termasuk peperiksaan nasional bagi subjek Matematik (Hadna & Kartika 2017).

Sub-tema terakhir merupakan keberhasilan tidak langsung yang memberi impak dalam pelaksanaan program CCT. Impak penting yang berlaku kesan daripada pelaksanaan program CCT adalah keterlibatan ibubapa pelajar miskin dalam hal ehwal pendidikan dan pencapaian akademik anak-anak mereka (Jabar, Garcia & Valerio 2020; Hartarto, Wardani & Azizurrohman 2021; Hartarto & Wardani 2023; Jabar et al. 2023). Kajian yang dilaksanakan oleh Hartarto et al. (2021) mendapati aspirasi ibubapa terhadap program CCT sangat diperlukan tetapi masih di tahap yang rendah. Aspirasi ibubapa dalam mengambil tanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak adalah signifikan dalam memastikan impak positif dalam pencapaian akademik berjaya dicapai. Kajian Jabar et al. (2020) yang dilaksanakan di Filipina merumuskan program CCT menjadi faktor penentu kepada penglibatan ibubapa dengan sumber kewangan yang diperolehi daripada bantuan program dan pendapatan keluarga membantu ibubapa melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak dengan lebih produktif. Kajian lain yang dilaksanakan turut berpandangan ibubapa yang mempunyai pembangunan modal insan, hubungan sosial dan taraf hidup yang lebih baik akan lebih cenderung untuk terlibat dalam hal pelajaran anak-anak mereka (Jabar et al. 2020; Jabar et al. 2023). Impak tidak langsung lain berkaitan program CCT dalam aspek pendidikan antaranya dengan peningkatan ilmu pengetahuan menyebabkan kadar kehamilan dikalangan remaja di Filipina dapat dikurangkan (Conchada et al. 2022). Kajian di Indonesia pula mendapati melalui program PKH, perkahwinan dikalangan remaja umur persekolahan dapat dikurangkan (Hartarto & Wibowo 2023). Kajian lain di Indonesia turut mendapati program CCT berupaya mengurangkan insiden buruh

kanak-kanak disebabkan peningkatan pendapatan yang diperolehi melalui bantuan program (Wardani et al. 2022), manakala di Filipina, kehadiran ke sekolah secara tidak langsung berupaya meningkatkan akses kesihatan kanak-kanak antaranya meningkatkan pengambilan ubat cacing dan vaksinasi (Babasa 2019).

### **Perbincangan Kajian**

Menerusi pembentukan tema dan sub-tema kajian, persoalan berkenaan adaptasi strategi impak program CCT terhadap aspek pendidikan boleh diambil kira dalam memastikan bantuan langsung tunai yang diberikan oleh pihak institusi zakat kepada golongan asnaf lebih efektif. Pelaksanaan program CCT perlu dimulakan dengan konsep intervensi oleh pihak pembuat dasar sama ada pihak Kerajaan mahupun institusi zakat melalui reka bentuk syarat tingkah laku yang bersesuaian dengan keperluan golongan asnaf terutama fakir dan miskin. Intervensi yang dilaksanakan bukan sahaja bagi memastikan pembangunan modal dalam kalangan anak asnaf tetapi bertujuan untuk mengubah sikap golongan penerima bantuan untuk lebih bertanggungjawab dalam menguruskan pendidikan anak-anak mereka (Catubig & Villano 2017; Hartarto, Wardani & Azizurrohman 2021; Rizal & van Doorslaer 2019; ).

Kajian lepas turut menunjukkan keberkesanan program CCT juga disokong oleh kerjasama dengan pihak tertentu (Rizal & van Doorslaer 2019). Sebagai contoh, pihak institusi zakat boleh mengadakan kerjasama strategik dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan sekolah dalam memantau prestasi dan kemajuan akademik anak-anak golongan miskin. Dalam membangun program CCT, penentuan syarat tingkah laku boleh dilaksanakan sama ada dalam pendekatan yang mesra contohnya kaedah yang lebih bermotivasi bagi meningkatkan pematuhan penerima bantuan ataupun melalui pendekatan yang lebih tegas contohnya mengambil tindakan penguatkuasaan dan penamatan bantuan sekiranya gagal mematuhi syarat tingkahlaku yang telah ditetapkan. Pelaksanaan polisi bergantung kepada kesesuaian program CCT dan golongan sasaran yang ditetapkan kerana penentuan bentuk penguatkuasaan sesuatu polisi mempunyai kekuatan dan kekurangannya (Ladhani & Sitter 2020). Oleh yang demikian, pembentukan polisi perlu mengambil kira analisis kos faedah.

Selain itu, proses pemantauan yang berkesan juga perlu dilaksanakan bagi memastikan penerima bantuan mematuhi syarat tingkah laku yang telah ditetapkan. Bagi melaksanakan pemantauan yang efektif, mekanisme pelaporan prestasi penerima bantuan hendaklah dibuat secara konsisten dan berkala (Babasa 2019). Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan program CCT lebih berkesan, kajian lepas turut mencadangkan pembuat polisi mengambil kira pemboleh ubah pengantara tertentu contohnya kedudukan kewangan ibu bapa sebagai pendorong kepada peningkatan tanggungjawab ibu bapa dalam memantau prestasi pendidikan anak-anak mereka

(Jabar, Garcia & Valerio 2020; Hartarto, Wardani & Azizurrohman 2021; Hartarto & Wardani 2023; Jabar et al. 2023). Perubahan sikap ibu bapa kepada lebih mengutamakan pendidikan anak-anak merupakan impak tidak langsung penting yang diperolehi kesan daripada pelaksanaan program ini. Komitmen yang ditunjukkan oleh pihak ibu bapa bagi memastikan pendidikan anak-anak dipenuhi turut dituntut oleh syarak (Hartarto & Wardani 2023).

Di samping itu, kajian lepas mencadangkan penetapan sesuatu polisi juga perlu mengambil kira pemboleh ubah penyederhana seperti perbezaan prestasi akademik dari sudut jantina pelajar miskin (Anas & Anas 2016). Ini bagi memastikan polisi yang dibangunkan berupaya memberi impak peningkatan pencapaian akademik secara seimbang dan menyeluruh. Secara umumnya program CCT memberikan impak bukan sahaja dari sudut peningkatan enrolmen dan kehadiran ke sekolah tetapi juga pencapaian akademik pelajar miskin. Program CCT turut mampu membantu pihak ibu bapa meningkatkan aspirasi mereka terhadap kepentingan pendidikan anak-anak. Hal ini penting bagi menyelesaikan permasalahan kajian yang dibangkitkan berkenaan masalah keciciran anak-anak asnaf yang mana antara punca adalah daripada kurangnya aspirasi ibubapa. Selain itu, program ini mampu mengurangkan kadar penglibatan kanak-kanak dalam sektor pekerjaan, pengetahuan di kalangan remaja berkaitan perkahwinan usia muda serta mengetahui kesan negatif kehamilan pada umur persekolahan. Keadaan ini penting bagi memastikan motivasi anak-anak golongan asnaf fakir dan miskin untuk terus menyambung pelajaran.

Hal ini adalah penting disebabkan di Malaysia kini statistik menunjukkan masalah hampir 300,000 orang pelajar Sijil Pelajaran Malaysia enggan untuk menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi (Yaacob 2023). Pelaksanaan polisi CCT dijangka berupaya mengurangkan masalah tersebut. Sungguhpun begitu, pembangunan polisi CCT perlu mengambilkira aspek kekurangan program tersebut. Antaranya, pelaksanaan program ini dijangka akan meningkatkan perbelanjaan pihak Kerajaan dan institusi zakat kerana melibatkan penambahan dana bantuan kepada golongan penerima serta peningkatan keperluan tenaga kerja bagi tugas-tugas pemantauan dan penilaian serta pembangunan prestasi golongan penerima bantuan. Dalam bidang pendidikan, masalah lain yang berlaku seperti masalah kehadiran guru ke sekolah serta kekurangan kemudahan pendidikan berkualiti yang berlaku di negara Indonesia merencatkan pembangunan pendidikan golongan fakir dan miskin di negara tersebut (Hadna & Kartika 2017).

Selain itu, impak jangka panjang seperti peningkatan tahap pencapaian akademik mungkin mengambil masa yang panjang. Oleh yang demikian, program CCT yang dirancang wajar dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan program ini memberi faedah yang sewajarnya kepada golongan penerima bantuan. Dengan

mengambil kira semua kekuatan dan kelemahan tersebut, perancangan polisi CCT yang wajar dilaksanakan oleh institusi zakat berupaya mengurangkan kadar kemiskinan, pembangunan modal insan seterusnya dalam jangka masa panjang berupaya menghapuskan kemiskinan antara generasi asnaf.

Kajian ini memberikan peluang kepada pihak agensi Kerajaan terutamanya institusi zakat, pihak badan bukan Kerajaan (NGO) serta pihak berkepentingan dalam mereka bentuk program CCT bagi faedah golongan asnaf fakir dan miskin secara ekonomi, efisien dan efektif. Kajian ini mengambil kira karakteristik dan impak terhadap pencapaian pendidikan melalui pelaksanaan program CCT yang boleh diadaptasi oleh pihak pembuat polisi setelah meneliti semua kekuatan, kelemahan, isu dan cabaran program. Selain itu, pihak pembuat polisi hendaklah menilai sama ada syarat tingkahlaku dimensi selain pendidikan wajar dilaksanakan manakala bagi dimensi pendidikan, syarat tingkah laku sedia ada juga perlu dinilai sama ada mencukupi atau memerlukan penambahbaikan ataupun pindaan.

Berdasarkan dapatan analisis literatur sistematik kajian, antara jurang kajian yang diperolehi adalah kajian yang dilaksanakan kurang mengambil kira keberhasilan jangka panjang berkaitan pencapaian akademik. Selain itu, tiada institusi zakat yang melaksanakan polisi dan program CCT sehingga kini. Berdasarkan semakan komprehensif terhadap sorotan literatur, tiada kajian lepas yang mengkaji hubungan empirikal pengagihan zakat dengan program CCT. Terdapat kajian berbentuk konseptual yang menekankan peranan program CCT dengan elemen zakat dan wakaf serta model keusahawanan (Zolkifly & Habidin 2022). Mirzal (2021) mencadangkan agar pihak institusi zakat bersedia membangunkan program CCT bagi mengurangkan impak sosioekonomi akibat pandemik Covid-19. Zulkhibri (2016) pula mencadangkan program CCT mampu memberi impak positif kepada ekonomi negara Islam dengan menekankan pembangunan program CCT dalam pengagihan zakat produktif melibatkan asnaf fisabilillah. Secara umumnya, banyak kajian lepas mencadangkan program CCT untuk dibangunkan dalam pengagihan zakat kerana mampu memberi impak positif kepada masalah sosioekonomi golongan asnaf.

Perbincangan mengenai konsep CCT menurut perspektif Islam juga tidak dibahaskan dalam kajian literatur lepas. Perbincangan mengenai hukum program CCT dari sudut syariah merupakan jurang yang boleh dikaji bagi kajian masa hadapan. Pembangunan syarat tingkah laku dalam program CCT berteraskan teori Paternalisme yang menekankan konsep pihak Kerajaan yang menyediakan bantuan tunai tahu apa yang terbaik untuk membentuk sikap positif golongan miskin. Oleh itu, syarat tingkah laku yang wajib dipatuhi oleh penerima bantuan seperti berusaha mencari pekerjaan bagi kekal menerima bantuan merupakan matlamat yang ditetapkan oleh pembuat dasar untuk mengubah tingkah laku golongan miskin untuk lebih produktif.

Berdasarkan prinsip Islam, perubahan tingkah laku positif dilaksanakan dengan membangunkan konsep hisbah iaitu fungsi kawalan secara pentadbiran oleh pihak Kerajaan terhadap golongan masyarakat dalam aspek moral, agama dan ekonomi (Ghazanfar 2003). Pembangunan program CCT menurut perspektif Islam dalam kajian pada masa hadapan boleh mengambil kira perbandingan kedua-dua teori tersebut bagi membangunkan program CCT dalam pengagihan zakat.

Akhir sekali, penilaian keberhasilan pencapaian akademik juga tidak mengambil kira pencapaian anak-anak pelajar miskin bagi subjek pendidikan Islam. Pengetahuan dalam ilmu agama penting bagi memastikan gelagat generasi golongan miskin menepati keperluan agama Islam. Ini sebagai usaha dalam mencapai keseimbangan hidup di dunia dan akhirat.

## KESIMPULAN

Matlamat utama kajian ini adalah bagi menyediakan analisis literatur sistematik impak program CCT terhadap pencapaian akademik di negara Asia Tenggara untuk adaptasi strategi oleh institusi zakat. Kajian ini telah menyumbang kepada input yang signifikan dalam korpus pengetahuan dan keperluan praktikal. Berdasarkan dapatan kajian, pihak berkepentingan terutamanya institusi zakat boleh membangunkan adaptasi pelan dan polisi CCT bagi memperkasa pembangunan golongan asnaf. Dapatan kajian turut mendapati negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Filipina dan Kemboja telah melaksanakan program CCT di negara masing-masing. Karakteristik program CCT yang dipraktikkan oleh negara-negara jiran boleh dijadikan rujukan dalam mewujudkan polisi CCT oleh institusi zakat di Malaysia. Pelaksanaan program CCT di negara jiran turut memberi impak jangka pendek, jangka panjang dan secara tidak langsung. Walau bagaimanapun, pihak pembuat keputusan perlu mengambilkira isu dan cabaran yang berlaku bagi memastikan polisi yang dibangunkan lebih berkesan dan mampan serta mematuhi aspek syariah.

## RUJUKAN

- Abdullah, Z., Ismail, S. N., Shafee, S., Shaharom, M. S. N. & Ghani, M. F. A. 2019. Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 6(2): 44-70.
- Anas, R. G. & Anas, D. G. 2016. The implementation of 4PS and the scholastic achievements of the secondary school student-recipients in oton iloilo 14: 2985-2997.
- Babasa, A. L. N. 2019. *The Conditional Cash Transfer Program in the Philippines: Emerging Issues and Challenges*. De La Salle University: Manila.



- Beik, I. S., Zaenal, M. H. & Saoqi, A. A. Y. 2021. How Islamic Ethical Wealth May Strategically and Technically Support “Reduced Inequality” Mission? *Islamic Wealth and the SDGs: Global Strategies for Socio-economic Impact*: 359-372.
- Cadiogan, A. 2013. Brazil’s Bolsa Familia and the Philippines “4Ps” CCT Programs: Considering South–South Cooperation for Social Pr.
- Catubig, M. C. L. & Villano, R. A. 2017. Conditional cash transfer and school outcomes: an evaluation of the Pantawid Pamilyang Pilipino Program in Davao Oriental, Philippines. *Asian Economic Journal* 31(4): 403-421.
- Conchada, M. I. P., Tiongco, M. M. & Sy, D. H. 2022. Investigating the Impact of a Conditional Cash Transfer on Adolescent Pregnancy: Incidence and Health outcomes. *DLSU Business & Economics Review* 32(1).
- Fiszbein, A. & Schady, N. R. 2009. *Conditional Cash Transfers*.
- Ford, K. J., Lourenço, B. H., Cobayashi, F. & Cardoso, M. A. 2020. Health outcomes of the Bolsa Família program among Brazilian Amazonian children. *Revista de Saúde Pública* 54, 2.
- Ghazanfar, S. M. 2003. *Medieval Islamic Economic Thought*. London and New York:Routledge Curzon.
- Gusenbauer, M. & Haddaway, N. R. 2020. Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research synthesis method* 11(2): 181-217.
- Hadna, A. H. & Kartika, D. 2017. Evaluation of poverty alleviation policy: Can conditional cash transfers improve the academic performance of poor students in Indonesia? *Cogent Social Sciences* 3(1), 1295548.
- Hamid, Z. A., Othman, J., Ahmad, A. & Ismail, I. A. 2011. Hubungan Antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2):31-40.
- Hartarto, R. B. & Wardani, D. T. K. 2023. Does conditional cash transfer change educational aspirations? Evidence from Indonesia. *International Journal of Social Economics* 50(1): 148-161.
- Hartarto, R. B., Wardani, D. T. K. & Azizurrohman, M. 2021. A qualitative study of conditional cash transfer and education aspirations: Evidence from Yogyakarta. *Journal of Social Service Research* 47(6):776-785.

- Hartarto, R. B. & Wibowo, W. T. 2023. Conditional cash transfer and early marriage: a case study of Mataram City, West Nusa Tenggara. *International Journal of Development Issues* 22(1): 57-71.
- Irfan Syauqi, B., Mohd Hasbi, Z. & Abdul Aziz, Y. S. 2021. How Islamic Ethical Wealth May Strategically and Technically Support “Reduced Inequality” Mission? *Islamic Wealth and the SDGs: Global Strategies for Socio-economic Impact*: 359-372.
- Jabar, M., Garcia, J. & Valerio, M. A. 2020. The Influence of Socioeconomic Status on Parental Involvement Among Filipino Parents. *Asia-Pacific Social Science Review* 20(4).
- Jabar, M., Kasilag, R., Collado, Z. & Jamoral, R. 2023. Family capital and parental involvement among parents in public elementary and secondary schools in the Philippines: perspectives of parents and children. *Asia Pacific Journal of Education* 43(2): 555-571.
- Kabeer, N., Piza, C. & Taylor, L. 2012. What are the economic impacts of conditional cash transfer programmes? A systematic review of the evidence. *EPPI Centre, Social Science Research Unit, Institute Of Education & University Of London (eds.)*.
- Kiger, M. E. & Varpio, L. 2020. Thematic analysis of qualitative data: AMEE Guide No. 131. *Medical teacher* 42(8): 846-854.
- Kim, E. & Yoo, J. 2015. Conditional cash transfer in the Philippines: How to overcome institutional constraints for implementing social protection. *Asia & the Pacific Policy Studies* 2(1): 75-89.
- Ladhani, S. & Sitter, K. C. 2020. Conditional cash transfers: A critical review. *Development policy review* 38(1): 28-41.
- Lockwood, C., Munn, Z. & Porritt, K. 2015. Qualitative research synthesis: methodological guidance for systematic reviewers utilizing meta-aggregation. *JBIEvidence Implementation* 13(3): 179-187.
- MAIWP. 2021. *Laporan Tahunan*. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/laporan-tahunan-maiwp> [06 Oktober 2024].
- Mirzal, H. 2021. Conditional cash transfers model of zakat distribution for managing Covid-19 impact on health and education sectors. *International Journal of Zakat* 6(3): 55-68.

- Muda, N. A. C., Said, I. & Rashidi Hamzah, M. F. M. S. 2023. Keciciran Pendidikan dalam Kalangan Anak-anak Asnaf: Kajian Kes Sekolah Rendah Di Negeri Perlis.
- Petticrew, M. & Roberts, H. 2008. *Systematic Reviews in the Social Sciences: A Practical Guide*: John Wiley & Sons.
- Rizal, M. F. & van Doorslaer, E. 2019. Explaining the fall of socioeconomic inequality in childhood stunting in Indonesia. *SSM-population health* 9, 100469.
- Robinson, P. & Lowe, J. 2015. Literature reviews vs systematic reviews. *Australian and New Zealand Journal of Public Health* 39(2): 103-103.
- Saad, L., Hamid, N., Sani, N. & Kamal, U. A. 2023. Parenting styles of low-income parents against truancy symptoms among secondary school students. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 8(50): 561-576. doi:10.35631/ijepc.850040.
- Saucedo Delgado, O. A., Kadelbach, V. & Mata Mata, L. 2018. Effects of conditional cash transfers (cct) in anti-poverty programs. an empirical approach with panel data for the mexican case of prospera-oportunidades (2002–2012). *Economies* 6(2): 29.
- Shaffril, H. A. M., Krauss, S. E. & Samsuddin, S. F. 2018. A systematic review on asian's farmers' adaptation practices towards climate change. *Science of the total Environment* 644:683-695.
- Son, H. H. 2008. Conditional cash transfer programs: An effective tool for poverty alleviation?
- Wardani, A. N., Baryshnikova, N. V. & Jayawardana, D. 2022. Do secondary school children stay in school and out of the labour market in the presence of an educational cash transfer? *Education Economics* 30(6): 612-623.
- Whittemore, R. & Knaf, K. 2005. The integrative review: Updated methodology. *Journal of Advanced Nursing* 52(5): 546-553.
- Yaacob, N. F. 2023. 300,000 lepasan SPM tidak mahu sambung belajar.
- Zolkifly, N. H. & Habidin, N. F. 2022. Cash transfer as a framework for entrepreneurship: A conceptual model for B40. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12.
- Zulkhibri, M. 2016. The relevance of conditional cash transfers in developing economy: The case of Muslim countries. *International Journal of Social Economics* 43(12): 1513-1538.